

EGM, AGM MHC terpaksa dibatal

BERITA HARIAN (M/S 47) 14 FEBRUARI 2015

Kuala Lumpur: Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah kecewa dengan kemelut pindaan perlembagaan badan induk itu sehingga menyebabkan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) dan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang sepatutnya berlangsung semalam, dibatalkan.

Berikutan itu, Tengku Abdullah mencadangkan supaya proses pelaksanaan untuk AGM dilakukan semula bermula dengan Mesyuarat Ahli Majlis pada awal Mac ini sebelum dipanjangkan ke EGM dan seterusnya pemilihan baharu pada AGM yang kemungkinan berlangsung pada Mei.

Bincang perlembagaan

"Ada pihak yang tidak bersetuju dengan mesyuarat sebelum ini yang membincangkan mengenai perlembagaan.

"Lupakan mesyuarat yang lalu, kita harus bergerak ke hadapan dan tetapkan satu tarikh untuk Mesyuarat Ahli Majlis dan diharapkan ia dapat dilakukan pada Mac ini.



Sebahagian ahli kongres mengangkat tangan tanda setuju selepas cadangan Tengku Abdullah (tengah) menunda EGM dan AGM MHC. [FOTO OSMAN ADNAN/BH]

Kita bincangkan lebih lanjut lagi mengenai perlembagaan baharu.

"Kita secara dasarnya sudah bersetuju untuk menggubal dan kita juga sudah ambil masa yang lama untuk gubal perlembagaan baharu. Apapun, kita akan bincang semula dan kemudian menghantar kepada FIH (Persekutuan Hoki Antarabangsa)... apabila lulus kita akan mengadakan EGM dan

selepas itu hantar kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

"Saya harap, kita akan dapat selesaikan perkara ini secara baik dan selewat-lewatnya pada Mei ini," kata Tengku Abdullah semalam.

Pertikaian mengenai perlembagaan timbul apabila EGM yang dilakukan di Johor Bahru pada Oktober lalu yang melakukan pindaan berhubung isu jantina yang boleh menjawat ja-

watan Timbalan Presiden didakwa tidak teratur dan tidak memenuhi korum ditetapkan.

Berdasarkan perlembagaan lama, jawatan berkenaan akan dikhususkan kepada wanita sekiranya presiden adalah lelaki dan menerusi perlembagaan baharu yang diputuskan di Johor Bahru itu, jawatan kedua tertinggi boleh ditandingi tanpa mengira jantina. - Oleh Sukhairi Thani

Peraturan untuk lindungi pemain

Kuala Lumpur: Persatuan Pemain Bola Sepak Profesional Malaysia (PFAM) menyambut baik hasrat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) untuk terus mewajibkan semua pemain Harimau Muda kembali beraksi sekurang-kurangnya semusim bersama negeri asal mereka selepas menamatkan kontrak dengan skuad muda negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif PFAM, Izham Ismail berkata peraturan itu dikekalkan i untuk melindungi persatuan negeri dan bekas pemain Harimau Muda terbabit.

“Daripada satu sudut ia mungkin menyekat pemain profesional untuk memilih pasukan sendiri tetapi saya anggap peruntukan ini masih relevan.

“Ini membolehkan kita bersikap adil kepada pihak yang

mula membangunkan pemain. Namun yang lebih penting dalam soal ini adalah pemain itu dilindungi,” katanya ketika dihubungi semalam.

Bersama negeri asal

Beliau mengulas laporan BH Sukan semalam mengenai FAM kekal dengan keputusan untuk mewajibkan semua pemain Harimau Muda kembali beraksi sekurang-kurangnya semusim bersama negeri asal mereka selepas menamatkan khidmat dengan skuad muda

negara itu.

FAM juga akan meminda definisi negeri asal pemain Harimau Muda bagi mengelak pertikaian seperti yang berlaku sebelum ini.

Timbalan Presiden FAM yang juga Pengerusi Jawatankuasa Peraturan dan Undang-Undang FAM, Datuk Seri Afandi Hamzah, berkata pindaan itu menjelaskan negeri kelahiran pemain tidak dianggap sebagai negeri asal mereka ketika mengikat kontrak dengan FAM.

Izham berkata, peraturan yang ditetapkan FAM itu memang kelihatan agak berat, tetapi ia dikuatkuasakan untuk kebaikan pemain.

“Saya harap tidak ada lagi pihak yang cuba mengambil kesempatan terhadap peraturan ini,” katanya.

Gaji pemain

Ditanya mengenai gaji minimum, beliau berkata soal harga atau pampasan adalah satu idea yang bagus, namun masih belum perlu mewajibkan ‘tanda harga’ tertentu.

“Apa yang penting adalah persetujuan bersama antara pasukan baharu dan persatuan yang berhak ke atas pemain berkenaan,” katanya. -
Oleh Mohd Fitrie Muhamad

BERITA HARIAN (M/S. 5.1) 14 FEBRUARI 2015

Untuk komen, hantar e-mel menerusi
bhnews@bh.com.my atau di laman Facebook
BH Online

ISN tubuh 5 jawatankuasa kerja

KUALA LUMPUR - Pengerusi Institut Sukan Negara (ISN), Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria mengumumkan pembentukan lima jawatankuasa kerja institut tersebut ekoran pengumuman penstrukturan semulanya oleh Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin kelmarin.

Katanya, dengan tanggungjawab meningkatkan prestasi atlet elit ke Sukan Asia, Komanwel dan Olimpik kini dipindahkan kepada ISN berbanding sebelumnya Majlis Sukan Negara (MSN), penubuhan jawatankuasa berkenaan bertujuan memangkin dan mempercepat proses transformasi institut itu.

"Empat jawatankuasa itu ialah Pendidikan dan Penyelidikan yang akan dipengerusikan oleh Prof. Madya S. Shamala, Perhubungan Awam diketuai Anuar Abdul Manap, Program Pembangunan Atlet di bawah Datuk Danyal Balagopal Abdullah dan Pasukan Petugas, Pengkorporatan dan Transformasi - Datuk Ir. Khairol Anuar Mohamad Tawi serta Pasukan Petugas Sabah



MOHD NORZA ZAKARIA

dan Sarawak, Dr. Kah Hock Tan," katanya.

Tambahnya, satu lagi mesyuarat khas Lembaga Pengarah ISN akan diadakan pada 5 Mac untuk mendapatkan fakta dan menjelaskan bidang

tugas jawatankuasa berkenaan.

Mohamad Norza mengumumkan perkara itu selepas memengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah ISN kali keenam penggal kedua di ISN, Bukit Jalil semalam.

Sementara itu beliau yang juga Timbalan Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menafikan berlaku kecuaiian oleh ISN sehinggalah tarikh pendengaran kes doping jaguh perseorangan negara Datuk Lee Chong Wei tertangguh beberapa kali.

"Saya memahami dan berkongsi keresahan jaguh perseorangan negara Datuk Lee Chong Wei yang masih tertanya-tanya bilakah pendengaran kesnya akan ditetapkan Persekutuan Badminton Dunia (BWF).

"Tarikh itu akan tiba bila-bila masa sahaja, tidak lama lagi sebaik sahaja BAM melengkapkan proses akhir penyediaan dan pengumpulan bukti untuk menyokong rayuan itu sekali gus memaklumkan BWF," katanya.

Tarikh pendengaran kes doping Chong Wei semain hampir

Proses masuk fasa akhir

Oleh **TAUFIK SALIMIN**
taufik.salimin@kosmo.com.my

KOSMO (M/S.....)

14 FEBRUARI
2015

TIMBALAN Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM), Datuk Seri Mohammad Norza Zakaria mengambil sikap tidak prejudis terhadap kelewatan persediaan bahan-bahan bukti berhubung kes doping, Datuk Lee Chong Wei dan memberitahu perkara itu akan diumumkan dalam waktu terdekat ini.

Menurutnya, ketika ini, proses melengkapkan kes giat dijalankan dan ia sudah memasuki fasa terakhir.

"Adalah dimaklumkan bahawa BAM bukan melewatkan kes tetapi sedang mengumpul segala bahan bukti yang lebih kukuh untuk diserahkan kepada

panel pendengaran.

"Apabila proses penyediaan ini sudah selesai, BAM akan memaklumkan kepada umum pada satu tarikh yang akan ditentukan dalam waktu terdekat ini.

"Saya hanya boleh memberitahu ia akan berlaku pada bila-bila masa bermula sekarang dan apabila sudah selesai, BAM akan berbincang dengan Persekutuan Badminton Dunia (BWF) untuk menetapkan tarikh pendengaran kes," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Institut Sukan Negara (ISN) di Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

Mohammad Norza juga menjelaskan, beliau memahami kebimbangan dan keresahan yang membelenggu pe-

main No. 3 dunia itu berikutan sedang menjalani penggantungan agak lama, malah sedang menghitung nasib sama ada dapat meneruskan kariernya atau tidak.

Menurutnya, tiada istilah menuding jari kepada mana-mana pihak kerana semua mempunyai peranan dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

"Semua fakta yang ada sudah jelas dan akan didedahkan semasa pendengaran cuma buat masa ini ia tidak boleh diberitahu secara umum.

"Apa yang sedang dilakukan ketika ini adalah mengumpul bahan-bahan bukti dan saya mengharapkan tiada spekulasi berpanjangan yang membatikan mana-mana pihak," ujarnya.



PROSES mengumpul bukti bagi kes doping Chong Wei memasuki fasa terakhir sebelum tarikh pendengaran dijangka diketahui dalam tempoh terdekat.



ANAK kapal pasukan GAC Pindar yang diketuai oleh Ian Williams bertungkus lumus memperbetulkan haluan ketika menentang Sailbox dalam perlumbaan separuh akhir Piala Monsun di Teluk Danga, Johor Bahru semalam.

Williams hampiri pentas akhir

Oleh MOHAMAD FAIZAL
HASHIM

sukan@utusan.com.my

JOHOR BAHRU - Juara dunia empat kali Ian Williams dari pasukan GAC Pindar yakin mampu merangkul kejuaraan trofi Piala Monsun 2015 setelah mempersembahkan prestasi hebat dalam pusingan separuh akhir di Teluk Danga di sini semalam.

Pelayar Britain itu dan pasukannya mempamerkan aksi bertenaga dari awal permulaan pelayaran sehingga berjaya menewaskan lawan pilihan Eric Monnin dari pasukan Sailbox dengan mengutip mata penuh dalam dua pertemuan.

Ditemui selepas menamatkan persaingan, Williams berkata dia amat berpuas hati dengan prestasi pasukannya yang bekerja keras sepanjang perlawanan untuk memburu slot ke pentas akhir kejohanan.

"Saya amat gembira dengan prestasi pasukan buat masa ini. Sekiranya kami terus bekerjasama dengan baik saya yakin kejuaraan Piala Monsun akan menjadi milik kami.

"Bagaimanapun kami tidak



boleh memandang rendah akan keupayaan pihak lawan yang turut mengintai peluang bagi merebut kejuaraan ini," katanya.

Williams hanya perlu mengutip satu lagi kemenangan ke atas Monnin hari ini bagi melayakkan diri ke pusingan akhir yang dijadualkan berlangsung pada sebelah petang.

Dalam satu lagi aksi separuh akhir, Mathieu Richard dari pasukan Luna Jets berada di landasan yang tepat untuk turut layak ke pentas akhir selepas menundukkan juara bertahan Taylor Canfield (US One) dalam dua perlawanan pertama peringkat separuh akhir.

Menurut Richard, persembahan pasukannya semakin meningkat sejak hari pertama dan mula mendapat rentak sehingga mampu meraih kemenangan berganda ke atas Canfield.

"Pasukan saya beraksi dengan cemerlang apabila bijak mengawal layar mengikut perubahan angin sehingga menjadikan kapal kami lebih laju berbanding pihak lawan.

"Saya rasa amat gembira dengan keputusan hari ini apabila dapat mendahului lawan dalam saingan separuh akhir ini. Kami harap dapat kekalkan rentak seterusnya melangkah ke *final*," katanya.

Dalam pada itu, wakil tunggal negara, Jeremy Khoo yang mengikuti rapat perkembangan kejohanan meramalkan Williams bakal menjadi juara Piala Monsun kerana jauh lebih berpengalaman berbanding peserta lain.

"Sejak hari pertama lagi Williams menunjukkan kepakaran dan pengalamannya dengan mudah melepasi peringkat *round-robin* dan suku akhir. Kelebihan itu menjadikannya peserta pilihan bagi merangkul kejuaraan," ujarnya.